



# جاین آکام اسلام نگاری جوهر

JABATAN AGAMA ISLAM NEGERI JOHOR,  
BAHAGIAN PENDIDIKAN ISLAM,  
Tingkat 3 & 4, Blok B,  
Pusat Islam Iskandar Johor,  
Jalan Masjid Abu Bakar,  
80990 Johor Bahru, Johor

No. Tel : 07-228 2928/30/32/33/55  
Faks : 07-223 3178  
Website : <http://bpi.johor.gov.my>  
Emel : bpaj@johor.gov.my



Sila nyatakan rujukan bilangan surat kami  
apabila menjawab

Ruj. Kami : JAINJ.BPI.010/708 Jld.3 ( 31 )

Tarikh      ٢٦ Disember 2018 M /  
Rabiul Akhir 1440 H

Timbalan Penolong Pengarah (Bahagian Pendidikan Agama)

Pegawai Pendidikan Islam Daerah

Johor Bahru / Muar / Batu Pahat / Pontian / Segamat /

Kluang / Kota Tinggi / Mersing / Kulai dan Tangkak.

Pengetua SMAN/Maahad Johor /SMAKJ

السلام عليكم ورحمة الله وبركته

Tuan,

## **SURAT PEKELILING IKHTISAS BAHAGIAN PENDIDIKAN ISLAM, JABATAN AGAMA ISLAM JOHOR BIL 9/2018**

### **PELAKSANAAN PEMAKAIAN KASUT DAN STOKING BERWARNA HITAM OLEH MURID DI SEKOLAH AGAMA KERAJAAN NEGERI JOHOR**

#### **TUJUAN**

1. Surat pekeliling ikhtisas ini dikeluarkan bagi tujuan untuk memaklumkan berkenaan penguatkuasaan Pelaksanaan Pemakaian Kasut Dan Stoking Berwarna Hitam Oleh Murid Di Sekolah Agama Kerajaan Negeri Johor.

#### **LATAR BELAKANG**

2. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengeluarkan surat pekeliling ikhtisas bilangan 10 tahun 2018 di bawah tajuk **Pelaksanaan Pemakaian Kasut Dan Stoking Berwarna Hitam Oleh Murid Di Sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia.**



CERTIFIED TO ISO 9001 : 2008  
CERT. NO.:AR 4866

3. Sehubungan dengan itu, Bahagian Pendidikan Islam (BPI), Jabatan Agama Islam Negeri Johor (JAINJ) telah meneliti serta mengkaji isu yang berkaitan dan seterusnya bersetuju mengambil ketetapan bagi melaksanakan arahan pemakaian kasut dan stoking berwarna hitam kepada murid Sekolah Agama Kerajaan Negeri Johor mengikut sebagaimana pelaksanaannya di sekolah KPM.
4. Ketetapan ini diambil atas rasa keprihatinan jabatan untuk memberi kemudahan kepada ibubapa/ penjaga serta murid sekolah agama kerajaan negeri Johor dengan pelaksanaan yang setara bagi kedua-dua kategori sekolah berkenaan.

#### **PELAKSANAAN**

5. Jabatan ini bersetuju bahawa pemakaian kasut dan stoking berwarna hitam akan dilaksanakan secara beransur-ansur bermula pada sesi persekolahan tahun 2019 dan diperluaskan pada tahun 2020. Dalam tempoh transisi tersebut, murid-murid masih dibenarkan untuk memakai kasut dan stoking berwarna putih.
6. Justeru, pihak sekolah diminta untuk tidak mengadakan peraturan atau memaksa murid untuk memakai kasut berwarna hitam dalam tempoh transisi ini.
7. Penguatkuasaan sepenuhnya pemakaian kasut dan stoking berwarna hitam bagi murid sekolah agama kerajaan negeri Johor bermula pada sesi persekolahan tahun 2021.

#### **TARIKH KUAT KUASA**

8. Surat pekeliling ikhtisas ini berkuat kuasa mulai 1 Januari 2019.

#### **PEMBATALAN**

9. Dengan berkuatkuasanya surat pekeliling ikhtisas ini, **maka surat pekeliling ikhtisas Bahagian Pendidikan Jabatan Agama Islam Negeri Johor bil 01/2014 di bawah perkara 3.2.1 dan 3.2.2 Pemakaian Kasut Sekolah Agama dan Tadika Agama Johor (TAJ) dibatalkan.**

## **TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN**

10. Yang Berbahagia tuan/ puan hendaklah mengambil tindakan memaklumkan kandungan surat pekeliling ikhtisas ini kepada pegawai/ pengetua/ guru besar di bawah pentadbiran tuan.

Sekian. Terima Kasih.

## **"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,



**( HJ MD ROFIKI BIN DATO HAJI A.SHAMSUDIN)**

Pengarah

Jabatan Agama Islam Negeri Johor.

s.k:

- Y.B. Pengurus Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Dan Pendidikan Negeri Johor
- Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri Johor
- Semua Ketua Unit, Bahagian Pendidikan Islam, Jabatan Agama Islam Negeri Johor